



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	:	24/7/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



HARIMAU yang digelar Awang Besul gagal diselamatkan setelah ditangkap di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Dungun, Terengganu pada Jumaat lalu.

'Awang Besul' disahkan mati

IPOH 23 Julai - Seekor harimau jantan yang ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Terengganu pada Jumaat lepas disahkan mati awal pagi tadi.

Jabatan Perhilitan dalam kenyataan hari ini berkata, Harimau Malaya yang dikenali sebagai 'Awang Besul' disahkan mati oleh doktor veterinar Jabatan Perhilitan di Pusat Menyelamat Hidupan Liar (NWRC) di Sungkai dekat sini pada 5.30 pagi setelah pelbagai usaha intensif untuk merawat dan menyelamatkannya dijalankan.

"Pemeriksaan fizikal di lapangan pada Jumaat lepas menemukan kecederaan pada bahagian kaki, keradangan mata dan haiwan itu dalam keadaan dehidrasi.

"Pemantauan rapi di NWRC sejak Sabtu, menunjukkan terdapat tanda-tanda klinikal

neurologi iaitu tidak agresif, berpusing satu arah apabila berjalan, sawan dan tanda klinikal jangkitan saluran pernafasan iaitu nasal discaj. Rawatan yang diberikan adalah secara simptomatik atau pun rawatan sokongan," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, keputusan virologi yang diterima semalam setelah persampelan darah, serum serta swab yang dilakukan dan dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) Ipoh pada Ahad lepas untuk ujian penuh menunjukkan Awang Besul positif Virus Canine Distemper melalui ujian RT-PCR.

Kenyataan itu turut menyebutkan proses bedah siasat akan dijalankan secepat mungkin.

Pihak Jabatan Perhilitan tidak menolak kemungkinan Canine Distemper yang dihadapi Awang Besul disebarkan oleh haiwan liar di sekitar Kampung Besul Lama. - BERNAMA